

SEJARAH KEMUNCULAN MAZHAB FIQH

(Bahagian Kedua)

Perkembangan ilmu fiqh

Pada peringkat awal, ilmu fiqh dipelajari secara tidak formal menerusi bidang pentafsiran al-Quran dan pengajian al-Sunnah.¹ Hal ini kerana, dalam kedua-dua sumber itu telah merangkumi keseluruhan aspek sama ada yang menyentuh berkenaan akidah, fiqh, akhlak serta lain-lain perkara seperti halal dan haram termasuklah mengenai balasan syurga dan neraka. Namun begitu, kesemua aspek berkenaan belum diolah dalam bentuk ilmu pengkhususan sepetimana yang dikenali pada hari ini.

Manakala bentuk penulisan yang terhasil ketika itu adalah merupakan catatan peribadi yang mengandungi hukum-hukum serta dalil-dalilnya. Ia diperolehi menerusi pengajian-pengajian yang dikendalikan oleh para ulama dan telah dihadiri oleh ramai penuntut ilmu. Segala maklumat yang didengar secara langsung akan terus dicatat dalam lembaran kertas yang mengandungi pandangan alim ulama serta teori istinbat yang dikemukakan.² Oleh yang demikian, para penuntut akan terdedah dengan amalan ijihad serta teori istinbat yang diaplikasi.

Namun begitu, perkara yang menjadi dasar perbincangan di antara alim ulama dengan para penuntut bukanlah yang menyentuh berkenaan hukum-hukum yang telah disepakati (*al-Muttafaq ‘alayh*) atau menerusi *dalil qat’iy* tetapi ia menyentuh masalah-masalah tertentu yang tidak terdapat dalil yang jelas atau yang bersifat ‘*am*’. Perkara inilah yang dinamakan sebagai *furu’iyyah* (cabang). Ketika itu, para ulama amat melarang umat Islam dari bertaqlid dalam setiap amalan bahkan amalan itu hendaklah berdasarkan dalil sama ada secara *qat’iy* atau *zanniyy* yang telah dibahaskan oleh para ulama.³ Tambahan pula pada ketika itu,⁴ cabaran utama yang dihadapi oleh umat Islam adalah serangan terhadap akidah dengan lahirnya ajaran-ajaran sesat seperti Nabi palsu, Syiah, Khawarij, Qadariah, Muktazilah dan sebagainya.

¹ Haji Mansur, Muhsin. 1968. *Ikhtisar Sejarah Perundungan Islam*. Pulau Pinang: Pustaka Haji Abdullah bin M Noordin Al-Rawi. m.s. 61.

² Al-Asyqar, ‘Umar Sulayman. 1998. *Al-Madkhāl Ila Dirasah al-Madaris wa al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar al-Nafa’is. m.s. 42.

³ Al-Asyqar, ‘Umar Sulayman. 1982. *Tarikh al-Fiqh al-Islamiyy*. Kuwait: Maktabah al-Falah. m.s. 93.

⁴ Kemunculan ajaran sesat dikesan seawal zaman Rasulullah SAW sehingga memasuki era pemerintahan Khulafa’ al-Rasyidin. Ia muncul secara individu dengan mendakwa dirinya sebagai nabi lalu membentuk kelompok yang kecil setelah berjaya mempengaruhi segelintir di kalangan umat Islam yang lemah imannya. Atas faktor kekuatan politik, maka gerakan ini berjaya dihapuskan namun muncul pula selepas itu dalam modus operandi yang sama tetapi mempunyai motif yang tersendiri yang dikenali sebagai firqah (puak). Sebahagian dari firqah ini telah pupus dan ada pula yang masih berterusan sehingga ke hari ini disebabkan terdapatnya pengikut yang menyebarkan ajaran berkenaan. Lihat Hashim, Zamri. 2020. *Aliran Pemikiran Semasa*. t.t.: Jabatan Mufti Negeri Perak. m.s. 2.,

_____. 2015. *Ajaran Sesat Merungkai Kekusutan & Keceluaran*. Selangor: Majlis Agama Islam Selangor. m.s. 7. dan Mas’od, Mohd Aizam. 2015. *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. m.s. 131.

Selain itu, pengaruh politik juga turut memberi kesan terhadap kehidupan umat Islam. Hal ini kerana ia seiring dengan perubahan struktur kehidupan serta pentadbiran. Sebagai contoh, terdapat segelintir di kalangan pemerintah yang memaksa rakyat untuk menerima sesuatu ideologi luar malah terdapat juga di kalangan pemerintah yang berhasrat menjadikan hasil karya ulama tertentu sebagai panduan wajib kepada umat Islam dalam semua urusan.⁵ Namun, dengan kegiatan penyebaran ilmu di samping ketekunan para penuntut ilmu yang amanah maka kesinambungan ajaran Islam dapat diteruskan walaupun terpaksa menempuh liku-liku kehidupan yang sukar dan mencabar.

Perkembangan mazhab

1. Penulisan Fiqh

Pada abad kedua dan ketiga hijrah, terdapat di kalangan ulama pada ketika itu yang telah menyusun metodologi yang tersendiri dalam pengeluaran hukum. Ia kemudiannya disampaikan kepada para penuntut menerusi kaedah perbincangan dalam kelas-kelas pengajian dan seterusnya dikembangkan teori tersebut sama ada melalui penulisan mahupun lisan.

Perkembangan mazhab seiring dengan penulisan ilmiah yang dihasilkan oleh para ulama. Untuk bidang penulisan ilmiah, ia terbahagi kepada dua kategori iaitu penulisan hadis dan fiqh. Manakala untuk penulisan fiqh, ia terbahagi kepada beberapa skop yang antaranya seperti:⁶

1. Fiqh al-Quran dan al-Sunnah
2. Fiqh Sahabat dan Tabi'in
3. Fiqh Imam-Imam Mujtahid (berasaskan perbezaan pandangan bagi setiap mazhab)

Pada masa itu, penulisan fiqh telah disertakan dengan dalil-dalil dari al-Quran, al-Sunnah, *athar* Sahabat serta pandangan Tabi'in. Hal ini kerana semua dalil berkenaan merupakan intipati utama dalam perbincangan fiqh. Antara contoh-contoh penulisan yang seumpama ini seperti:⁷

1. *Al-Muwatta'* oleh al-Imam Malik bin Anas
2. *Al-Jami' al-Kabir* oleh al-Imam Sufyan al-Thawriyy
3. *Al-Ikhtilaf al-Hadis* oleh al-Imam al-Syafie

Secara umumnya, metod penulisan seperti ini mempunyai tujuannya iaitu sebagai penjelasan hukum yang konkrit tanpa terkait dengan sikap taksub terhadap sesuatu

⁵ Antaranya seperti hasrat al-Khalifah Abu Ja'far al-Mansur yang mahukan agar kitab *al-Muwatta'* dijadikan rujukan utama umat Islam pada ketika itu. Namun al-Imam Malik menolak dengan baik akan cadangan tersebut. Lihat al-Khin, Mustafa Sa'id. 1984. *Dirasah Tarikhiiyah li al-Fiqh wa Usuluhu wa al-Ittijahat Al-Latiyy Zaharat Fihima*. Syria: al-Syurkah al-Muttahidah li al-Tawzi'. m.s. 106.

⁶ Al-Asyqar, 'Umar Sulayman. 1982. *Tarikh al-Fiqh al-Islamiyy*. Kuwait: Maktabah al-Falah. m.s. 93.

⁷ Ibid. m.s. 114. Lihat juga Mazkur, Muhammad Salam. 1996. *Al-Madkhali li al-Fiqh al-Islamiyy Tarikhuhu wa Masadiruhu wa Nazriyatuhu al-'Ammah*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Hadith. m.s. 181 – 182.

pandangan. Malah, ia juga turut membuka ruang kepada pintu perbincangan dan perdebatan secara ilmiah. Antara contoh penulisan yang dianggap terbaik bagi memenuhi tujuan di atas ialah kitab *al-Umm* karangan al-Imam al-Syafie rahimahullahu ta'ala.

2. Imam-imam mazhab

Adalah perlu untuk difahami bahawa peranan mazhab ialah menyelesaikan segala permasalahan hukum Syarak yang bersifat *furu'iyyah*. Oleh itu, ia tidak akan menyentuh berkenaan *al-Ahkam al-Usuliyah* apatah lagi jika berkaitan dengan bidang Usuluddin. Secara fakta, mazhab bukanlah berhasil dalam bentuk pengasasan tetapi ia adalah satu proses perkembangan ilmu yang diperolehi secara talaqqi dan seterusnya disebarluaskan oleh para penuntut yang memperoleh ilmu tersebut sama ada menerusi kaedah yang sama atau dalam bentuk penulisan.

Oleh sebab itu, apabila dikaji ternyata hampir kesemua mazhab yang muktabar khususnya dalam bidang ilmu fiqh mempunyai karya penulisan yang tersendiri. Hal ini membuktikan bahawa khazanah fiqh tidak mempunyai titik penghujung malah sentiasa menjadi perbincangan dan rujukan untuk keperluan umat Islam pada setiap generasi. Manakala, imam-imam mazhab adalah berperanan penting dalam proses penetapan kaedah hukum yang berasaskan teori-teori yang telah disaring dan diteliti bagi memastikan proses pengeluaran hukum adalah berasaskan kaedah yang selari dengan kehendak syarak.

2.1 Al-Imam Abu Hanifah

Beliau adalah bernama al-Nu'man bin Thabit bin Zuta al-Kufiyy. Datuk beliau iaitu Zuta berasal dari Kabul, Afghanistan serta pernah menjadi hamba kepada Bani Tayyim bin Tha'labah yang kemudiannya dibebaskan. Selepas itu, lahirlah bapanya iaitu Thabit di Kufah yang ketika itu dalam pemerintahan al-Khalifah Ali bin Abu Talib r.a. Diriwayatkan bahawa ketika Thabit masih kecil, beliau telah dibawa berjumpa dengan al-Khalifah Ali bin Abu Talib lalu didoakan oleh al-Khalifah agar dikurniakan keberkatan ke atasnya serta zuriatnya.⁸

Al-Imam Abu Hanifah al-Nu'man telah dilahirkan di Kufah pada tahun 80 hijrah ketika era pemerintahan al-Khalifah 'Abd al-Malik bin Marwan dari Kerajaan Bani Umayyah. Pada peringkat awal pendidikannya, beliau telah berkecimpung dalam bidang hafazan al-Quran dan sering mengkhatamkan al-Quran dalam bulan Ramadan. Setelah itu, beliau mempelajari ilmu hadis yang melengkapkan keperluan agamanya.⁹

Bidang Usuluddin merupakan bidang yang diceburi oleh beliau secara teori dan praktikal. Hal ini kerana negara Iraq ketika itu amat dikenali bukan sahaja dari sudut

⁸ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 329. Lihat Al-Asyqar, 'Umar Sulayman. 1998. *Al-Madkhil Ila Dirasah al-Madaris wa al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar al-Nafa'is. m.s. 93.

⁹ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 330.

ketamadunan malah kepelbagaian pemikiran atau iktiqad. Antara aliran pemikiran yang timbul ketika itu seperti Syiah, Khawarij dan Mu'tazilah.¹⁰ Diriwayatkan bahawa al-Imam Abu Hanifah telah mengunjungi kota Basrah lebih dari 27 kali dengan tujuan perbahasan serta perdebatan. Beliau pernah berdebat dengan Jahm bin Safwan, seorang pengasas aliran Jabariyyah. Begitu juga pengalaman beliau apabila berhadapan dengan golongan Syiah, Mu'tazilah, Khawarij serta Ateis.¹¹

Beliau telah melazimkan diri dalam bidang Fiqh semasa di Kufah dengan menghadiri majlis ilmu yang disampaikan oleh gurunya iaitu Hammad bin Sulaiman. Seterusnya beliau telah menuntut ilmu dari sejumlah ulama yang berada di Kufah kerana kota tersebut telah terhimpun para ulama Iraq yang berautoriti dalam keilmuan masing-masing.¹² Beliau telah mengambil sekurang-kurangnya empat jenis ilmu iaitu ilmu Maslahah yang bersandarkan dari pemikiran 'Umar bin al-Khattab, ilmu Istinbat dan Maqasid, ilmu Takhrij yang berdasarkan metodologi 'Abdullah bin Mas'ud dan ilmu al-Quran yang berpandukan dari 'Abdullah bin 'Abbas.¹³

Selain itu, beliau juga turut bermusafir di luar Iraq untuk tujuan ibadah seperti menunaikan haji dan umrah serta keperluan yang bersifat ilmiah seperti periyawatan hadis, perbincangan hukum dan sebagainya.¹⁴ Sesungguhnya, ilmu yang diperolehi oleh beliau adalah bersusur galur dari ilmu para sahabat Rasulullah SAW.

Sepanjang kehidupannya, al-Imam Abu Hanifah tidak pernah menulis sebarang kitab kecuali beberapa risalah kecil yang disandarkan atas nama beliau iaitu *al-Fiqh al-Akbar*, risalah *al-'Alim wa al-Muta'allim*, risalah *al-Radd 'ala al-Qadariyyah* dan risalah *ila 'Uthman al-Bittiyy*. Semua risalah ini adalah berkaitan dengan perkara akidah dan dakwah. Manakala dalam bidang fiqh, anak-anak murid beliaulah yang mengumpulkan pandangan serta fatwanya lalu dibukukan. Beliau mempunyai dua orang anak murid (*al-Sahibayn*) yang mengumpulkan pendapatnya iaitu al-Qadhi Abu Yusuf atau nama sebenarnya Ya'qub bin Ibrahim bin Habib al-Ansariyy dan Muhammad bin Hasan al-Syaibaniyy.¹⁵

Al-Imam Abu Hanifah meninggal dunia pada tahun 150 hijrah di Baghdad. Mazhab beliau telah berkembang semasa era pemerintahan Kerajaan Bani 'Abbasiiyah dan menjadi mazhab rasmi kerajaan tersebut selama 500 tahun.¹⁶ Setelah itu, Kerajaan 'Uthmaniyyah telah menerapkan aliran mazhab ini dalam sistem kehakiman yang

¹⁰ *Ibid.* m.s. 330.

¹¹ Ghawijiyy, Wahbiyy Sulayman. 1993. *Abu Hanifah al-Nu'man Imam al-A'imma al-Fuqaha'*. Damsyiq: Dar al-Qalam. m.s. 50.

¹² _____ . 2015. *Al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Arba'ah*. Kuwait: Idarah al-Ifta'. m.s. 10.

¹³ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Muhadharat fi Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. t.t.: Matba'ah al-Madaniyy. m.s. 150.

¹⁴ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Abu Hanifah Hayatushu wa 'Asruhu – Ara'uhu wa Fiqhuhu*. T.t.: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 30.

¹⁵ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Muhadharat fi Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. t.t.: Matba'ah al-Madaniyy. m.s. 185 – 186. Lihat Abdul Majid, Mahmood Zuhdi. 2017. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. m.s. 149.

¹⁶ Abdul Majid, Mahmood Zuhdi. 2017. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. m.s. 152.

dikenali sebagai *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*. Seterusnya, mazhab ini tersebar di beberapa negara umat Islam seperti di Iraq, Syria, Lubnan, Pakistan, India, Afghanistan, Turki, Albania, China, Mesir, Rusia dan beberapa negara yang lain.¹⁷

2.2 Al-Imam Malik bin Anas

Beliau yang bernama Malik bin Anas bin Malik bin Abi 'Amir al-Asbahiyy al-Madaniyy adalah dari Kabilah Asbah yang berasal dari Yaman dan dilahirkan di Madinah pada tahun 93 hijrah di perkampungan Dzi al-Marwah yang terletak di utara Madinah semasa era pemerintahan al-Khalifah Sulaiman bin 'Abdul Malik, pemerintah dari Kerajaan Bani Umaiyyah. Ibu beliau bernama al-'Aliyyah binti Syurayk al-Azdiyyah yang merupakan dari Kabilah al-Azd. Al-Imam Malik dikenali dengan gelaran Imam Dar al-Hijrah.

Beliau telah mempelajari al-Quran sejak kecil dan menghafaznya. Beliau telah menuntut ilmu Fiqh daripada Rabi'ah bin 'Abdul Rahman atau lebih dikenali sebagai Rabi'ah al-Ra'y. Guru beliau ini merupakan antara yang terkenal di Madinah serta mahir dalam aliran fiqh al-Ra'y iaitu salah satu metodologi hukum yang berdasarkan penaakulan.¹⁸ Malah, beliau turut mempelajari ilmu Riwayat daripada Yahya bin Sa'id dan fiqh al-Ra'y daripada Ja'far bin Muhammad al-Baqir atau lebih dikenali sebagai al-Imam Ja'far al-Sadiq.¹⁹ Setelah itu, beliau menuntut ilmu-ilmu al-Quran dan al-Sunnah daripada 'Abdul Rahman bin Hurmuz yang dikenali sebagai al-A'raj. Beliau adalah dari generasi Tabi'in serta telah meriwayatkan hadis dari para sahabat yang terkenal seperti Abu Hurairah, Abu Sa'id al-Khudri dan Mu'awiyah bin Abi Sufian.²⁰ Al-Imam Malik turut berpeluang mempelajari daripada Muhammad bin Muslim bin Syihab al-Zuhri atau lebih dikenali sebagai Ibnu Syihab al-Zuhri. Ibnu al-Zuhri telah mengajarkan hadis, Fiqh al-Athar serta Fatwa Sahabat.²¹

Setelah itu, al-Imam Malik telah memulakan kelas pengajian di Masjid Nabawi yang dikendali olehnya selepas mendapat perakuan seramai 70 orang ilmuan Islam di Madinah.²² Beliau telah mengajarkan hadis, fiqh dan fatwa kepada para pelajarnya namun tidak dalam tempoh yang lama kerana al-Imam Malik sendiri telah menghidap

¹⁷ Al-Asyqar, 'Umar Sulayman. 1998. *Al-Madkhali al-Dirasah al-Madaris wa al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar al-Nafa'is. m.s.100.

¹⁸ Mazkur, Muhammad Salam. 1996. *Al-Madkhali al-Fiqh al-Islamiyyah Tarikhuhu wa Masadiruhu wa Nazriyatuhu al-'Ammah*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Hadith. m.s. 150. Lihat Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 368.

¹⁹ Zaydan, 'Abd al-Karim. 2001. *Al-Madkhali Li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Iskandariyyah: Dar 'Umar bin al-Khattab. m.s. 162. Lihat Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. m.s. 145.

²⁰ Abdul Majid, Mahmood Zuhdi. 2017. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. m.s. 153.

²¹ Zaydan, 'Abd al-Karim. 2001. *Al-Madkhali Li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Iskandariyyah: Dar 'Umar bin al-Khattab. m.s. 162. Lihat Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. m.s. 145.

²² Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 376. Lihat Abdul Majid, Mahmood Zuhdi. 2017. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. m.s. 154.

penyakit kencing tidak lawas (*Sulsul Bawl*).²³ Atas faktor tersebut, al-Imam Malik telah meneruskan pengajarannya di rumah beliau. Dalam urusan fatwa, beliau hanya menjawab persoalan atau isu yang nyata telah berlaku. Beliau meninggalkan dari menjawab persoalan yang berbentuk andaian atau kebarangkalian akan berlaku kerana berpandangan bahawa fatwa adalah sebagai irsyad iaitu bimbingan hukum terhadap urusan manusia. Beliau juga khuatir sekiranya aktif dalam menjawab pelbagai permasalahan maka akan terdorong kepada kesilapan dalam mengemukakan sesuatu hukum. Oleh itu, tidak hairanlah dalam kebanyakan jawapan yang diberikan oleh al-Imam Malik hanyalah dengan menyatakan ‘tidak tahu’ bagi persoalan yang tidak diketahui olehnya.

Manakala hadis-hadis yang diajarkan oleh al-Imam Malik telah diperakui oleh para ulama yang sezaman denganannya dengan nilai yang tinggi serta periyawatan yang kukuh. Beliau telah membukukan hadis-hadis tersebut menerusi karyanya yang berjudul *al-Muwatta'*. Antara faktor yang mendorong al-Imam Malik berbuat demikian ialah saranan yang dikemukakan oleh al-Khalifah Abu Ja'far al-Mansur agar ilmu-ilmu hadis ini dibukukan. Al-Imam Malik telah mengambil masa selama 40 tahun untuk menyiapkan kitab *al-Muwatta'* ini sehingga tahun 159H iaitu selepas kematian al-Khalifah Abu Ja'far al-Mansur.

Kitab *al-Muwatta'* ini mengandungi himpunan hadis-hadis serta hukum-hakam mengenai fiqh. Beliau telah menyusun hadis-hadis ini mengikut tajuk-tajuk fiqh. Kemudian, disusuli dengan amalan Ahli Madinah. Setelah itu, dikemukakan pendapat atau hukum yang telah diputuskan oleh Sahabat, Tabi'in dan ahli fiqh serta pendapat yang masyhur di Madinah. Akhir sekali, barulah dikemukakan pendapat beliau yang berdasarkan ijihadnya terhadap apa-apa perkara yang diketahui olehnya menerusi hadis, fatwa Sahabat serta perundangan Islam.²⁴

Al-Imam Malik turut menghasilkan beberapa penulisan yang lain seperti *Risalah Ila Ibn Wahb Fi al-Qadr* yang mengandungi hujah-hujah beliau bagi menolak fahaman Qadariyyah, *Risalah fi al-Aqdhiyyah* iaitu berkenaan bidang kehakiman untuk para Qadhi, *Risalah Ila al-Laith bin Sa'ad* yang menjelaskan mengenai ‘Amal Ahl al-Madinah kepada al-Imam al-Laith bin Sa'ad, *Risalah Fi al-Adab Wa al-Mawa'iz* mengandungi nasihat-nasihat beliau kepada al-Khalifah Harun al-Rasyid, *Risalah Fi al-Fatwa* yang ditujukan kepada Muhammad bin Mutraf yang merupakan salah seorang ulama di Madinah,²⁵ *Tafsir Li Gharib al-Quran* merupakan karya beliau dalam

²³ Al-Qattan, Manna'. 1996. *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiyy al-Tasyri' wa al-Fiqh*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif. m.s. 346. Lihat Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 377 - 378.

²⁴ Al-Qattan, Manna'. 1996. *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiyy al-Tasyri' wa al-Fiqh*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif. m.s. 350 – 351. Lihat Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 403 – 404. Lihat Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. m.s. 150.

²⁵ Al-Mallah, Husin Muhammad. 2001. *Al-Fatwa Nasy'atuha Wa Tatawwuruha – Usuluha Wa Tatbiqatuha*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah. m.s. 166.

bidang tafsir, *Kitab Fi al-Nujum* iaitu himpunan ilmu-ilmu mengenai hisab, peredaran waktu dan buruj-buruj laluan bulan serta *Kitab al-Manasik* mengenai ibadah haji.²⁶

Al-Imam Malik meninggal dunia pada 14 Rabi'ulawwal 179H dan dikebumikan di perkuburan Baqi' yang berhampiran dengan Masjid Nabawi. Mazhab beliau tersebar di pelbagai tempat seperti Hijaz, Basrah, Mesir serta beberapa negara di benua Afrika, Andalusia, Kepulauan Sicily, Maghribi, Sudan, Negara-Negara Teluk, Tunisia, serta beberapa negara yang lain.²⁷

2.3 Al-Imam al-Syafie

Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Idris bin al-'Abbas bin 'Uthman bin Syafi' bin al-Sa'ib bin 'Ubayd bin 'Abd Yazid bin Hasyim bin al-Muttalib bin 'Abd Manaf al-Qurasyiyy. Ibu beliau bernama Fatimah binti 'Abdullah al-Azdiyyah. Berdasarkan rantaian salasilah di atas, al-Imam al-Syafie adalah berketurunan Quraisy di sebelah bapanya apabila bertemu nasab dengan 'Abd Manaf yang merupakan moyang Rasulullah SAW. Manakala ibu beliau adalah dari keturunan kabilah al-Azd yang tinggal di Yaman.²⁸

Al-Imam al-Syafie telah dilahirkan di Ghazzah iaitu sebuah perkampungan yang terletak di utara Palestin pada tahun 150H yang berbetulan dengan tahun kematian al-Imam Abu Hanifah, perintis mazhab Hanafi. Beliau hidup semasa era pemerintahan Kerajaan Bani 'Abbasiyyah sehingga beliau meninggal dunia.²⁹ Gelaran al-Syafie adalah dinisbahkan kepada Syafi' bin al-Sa'ib yang merupakan moyang beliau. Bapa al-Imam al-Syafie iaitu Idris bin al-'Abbas telah meninggal dunia semasa beliau masih kecil. Maka, kehidupan beliau hanyalah bersama dengan ibunya dalam keadaan fakir dan yatim.

Ketika berusia dua tahun, ibunya telah membawa beliau untuk berpindah ke Mekah. Di Mekah, beliau tinggal berhampiran dengan Syi'b al-Khayf.³⁰ Beliau telah mempelajari al-Quran menerusi gurunya yang bernama Ismail bin Qastantin yang sanad bacaannya bersambung sehingga kepada Rasulullah SAW. Malah, al-Imam al-Syafie telah menghafal al-Quran dalam usianya yang belum mencelah tujuh tahun.³¹

²⁶ Al-Ghamiriyy, Nasir bin Muhammad. 2018. *Al-Madkhal Li Dirasah al-Fiqh al-Islamiyy*. Makkah al-Mukarramah: Dar Tayyibah al-Khadhra'. m.s. 324.

²⁷ Al-Qattan, Manna'. 1996. *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiyy al-Tasyri' wa al-Fiqh*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif. m.s. 357. Lihat Al-Ghamiriyy, Nasir bin Muhammad. 2018. *Al-Madkhal Li Dirasah al-Fiqh al-Islamiyy*. Makkah al-Mukarramah: Dar Tayyibah al-Khadhra'. m.s. 346. Lihat Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 405 – 406.

²⁸ Ibrahim, Bakr Muhammad. 2007. *Al-Imam al-Syafi'iyy Hayatushu Wa Fiqhuhu*. Kaherah: Markaz al-Rayah. m.s. 7.

²⁹ Al-Qawasimiyy, Akram Yusuf 'Umar. 2003. *Al-Madkhal Ila Mazhab al-Imam al-Syafi'iyy*. Jordan: Dar al-Nafa'is. m.s. 25.

³⁰ Jum'ah, 'Aliyy. 2004. *Al-Imam al-Syafi'iyy Wa Madrasatuhu al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Risalah. m.s. 7. Lihat al-Diqqr, 'Abd al-Ghaniyy. 1996. *Al-Imam al-Syafi'iyy Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Damsyiq: Dar al-Qalam. m.s. 50.

³¹ 'Abd al-Salam, Ahmad Nahrawiyy. 1988. *Al-Imam al-Syafi'iyy Fi Mazhabihu al-Qadim Wa al-Jadid*. Kaherah: Maktabah al-Syabab. m.s. 32.

Setelah itu, beliau mempelajari ilmu hadis daripada ulama di Masjidil Haram menerusi dua kaedah iaitu menulis dan menghafal. Guru beliau yang mengajarkannya ilmu hadis bernama Sufyan bin ‘Uyaynah. Beliau merupakan antara ulama Tabi’in yang terkenal di Mekah serta alim dalam bidang hadis. Selain itu, al-Imam al-Syafie turut mempelajari ilmu fiqh menerusi Muslim bin Khalid al-Zanjiyy yang merupakan seorang mufti di Mekah pada ketika itu.

Semasa di Mekah, al-Imam al-Syafie telah pun menghafal kitab *al-Muwatta*’ karangan al-Imam Malik semasa berumur 10 tahun.³² Manakala, guru beliau iaitu Muslim bin Khalid al-Zanjiyy telah memberi keizinan kepada al-Imam al-Syafie untuk mengeluarkan fatwa ketika berusia 15 tahun.³³

Dalam penguasaan bahasa Arab, al-Imam al-Syafie telah menggauli kabilah Huzayl yang terkenal dengan kefasihan dalam berbahasa Arab serta ketinggian ilmu Balaghah di samping berkemahiran dalam Syair. Selain itu, al-Imam al-Syafie turut mempelajari kemahiran memanah sehingga dikatakan setiap panahannya adalah tepat dan jarang yang tersasar.³⁴ Beliau juga berkemahiran dalam ilmu sejarah, penasaban serta kemahiran berkuda.³⁵

Pengembaran al-Imam al-Syafie dalam menuntut ilmu diteruskan apabila beliau menemui al-Imam Malik bin Anas di Madinah. Berbekalkan hafalan menerusi kitab *al-Muwatta*’, beliau telah membacakannya di hadapan al-Imam Malik yang akhirnya menyebabkan al-Imam Malik terpegun dengan bacaan al-Imam al-Syafie yang begitu fasih dan lancar. Pelbagai ilmu yang telah dipelajari oleh al-Imam al-Syafie bersama al-Imam Malik seperti hadis, fiqh dan fatwa. Dalam kesempatan yang ada, al-Imam al-Syafie turut menuntut ilmu daripada beberapa orang guru di Madinah pada ketika itu. Menurut al-Hafiz Abu Bakar al-Bayhaqiy, seramai 13 orang guru telah ditemui oleh al-Imam al-Syafie.³⁶

Setelah al-Imam Malik meninggal dunia, al-Imam al-Syafie telah kembali ke Mekah dan pada tahun yang sama guru beliau iaitu Muslim bin Khalid al-Zanjiyy turut meninggal dunia.³⁷ Pada suatu ketika, seorang gabenor Yaman dari kerajaan Bani ‘Abbasiyah telah datang ke Mekah dan bertanyakan kepada sebahagian penduduk Quraisy untuk mendapatkan tenaga kerja di Yaman. Maka dicadangkan agar al-Imam al-Syafie untuk diambil bekerja di Yaman. Manakala al-Imam al-Syafie pula tidak

³² Al-Diqqr, ‘Abd al-Ghaniyy. 1996. *Al-Imam al-Syafi‘iyy Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Damsyiq: Dar al-Qalam. m.s. 54.

³³ Al-Raziyy, ‘Abd al-Rahman bin Abi Hatim. 2003. *Adab al-Syafie wa Manaqibuhu*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. m.s. 30.

³⁴ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-‘Aqa’id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabiyy. m.s. 410.

³⁵ Al-Qawasimiyy, Akram Yusuf ‘Umar. 2003. *Al-Madkhali Mazhab al-Imam al-Syafi‘iyy*. Jordan: Dar al-Nafa’is. m.s. 47. Lihat al-Diqqr, ‘Abd al-Ghaniyy. 1996. *Al-Imam al-Syafi‘iyy Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Damsyiq: Dar al-Qalam. m.s. 62.

³⁶ _____ . 2015. *Al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Arba‘ah*. Kuweit: Idarah al-Ifta’. m.s. 123.

³⁷ Al-Qawasimiyy, Akram Yusuf ‘Umar. 2003. *Al-Madkhali Mazhab al-Imam al-Syafi‘iyy*. Jordan: Dar al-Nafa’is. m.s. 64.

mempunyai sumber kewangan dan menyedari hal tersebut, ibu al-Imam al-Syafie telah menyerahkan wang berjumlah 16 dinar kepadanya menerusi hasil sewaan sebuah rumah.³⁸ Dengan berbekalkan wang sebanyak itu, maka berangkatlah al-Imam al-Syafie ke Yaman bersama-sama rombongan Gabenor Yaman tersebut.

Ketika berada di Yaman, al-Imam al-Syafie telah bertugas dalam sektor pentadbiran.³⁹ Dengan sikap penuh dedikasi serta ketekunan yang telah ditonjolkan maka al-Imam al-Syafie menjadi terkenal di kalangan penduduk setempat malah pujian terhadapnya begitu meluas sehingga ke pengetahuan guru-gurunya di Mekah. Salah seorang gurunya iaitu Sufyan bin ‘Uyaynah telah memuji al-Imam al-Syafie berhubung keadaan dirinya itu namun melarangnya dari kembali semula ke Yaman. Hal ini bertujuan agar nilai ilmu yang ada pada dirinya lebih terpelihara malah dikhawatir akan mengurangkan agama serta kewarakannya.⁴⁰

Namun begitu, al-Imam al-Syafie meneruskan kerjayanya di Yaman. Pada kali ini, beliau telah dilantik sebagai Gabenor di Najran.⁴¹ Beliau bertanggungjawab dalam menyelesaikan permasalahan fiqh serta yang berkaitan dengan hukum hakam bagi Ahli Kitab. Pada masa itu, golongan Ahli Kitab berbangsa Arab telah pun wujud di Najran dan di antara permasalahan yang diselesaikan oleh beliau ialah berkenaan kadar jizyah ke atas penduduk Najran. Selain itu, beliau turut berhadapan dengan Bani al-Harith bin ‘Abdul Madan serta segelintir puak samseng di Najran. Golongan ini gemar mengampu para gabenor bagi memenuhi tuntutan mereka namun sebaliknya al-Imam al-Syafie bukan sahaja tidak memberi ruang kepada mereka malah bersikap adil kepada golongan yang dinafikan haknya.

Nasib tidak menyebelahi al-Imam al-Syafie kerana terdapat aduan yang disampaikan kepada Khalifah al-Rasyid menyatakan bahawa beliau adalah dari golongan ‘Alawiyah bersama-sama lapan orang yang lain. Di Yaman, golongan ‘Alawiyah amat dikhawatir oleh pihak pemerintah kerana cenderung untuk menggugat kuasa pemerintahan. Oleh kerana itu, mana-mana individu yang disyaki mempunyai kaitan dengan golongan ini akan diadili serta dikenakan hukuman mati.⁴²

Al-Imam al-Syafie juga turut ditohmah sebagai golongan Rafidah kerana dikatakan beliau mencintai Saidina ‘Ali r.a. serta membenci Khalifah Abu Bakar dan ‘Umar r.a.⁴³ Beliau akhirnya dibawa ke hadapan Khalifah al-Rasyid dengan disaksikan oleh al-Imam Muhammad bin al-Hasan al-Saybaniyy yang merupakan anak murid kepada al-Imam Abu Hanifah, pengasas mazhab Hanafi. Dengan kefasihan dan kelancaran al-Imam al-Syafie ketika berbicara dengan Khalifah al-Rasyid di samping perakuan al-

³⁸ Al-Bayhaqiy, Ahmad bin Hussayn. t.t. *Manaqib al-Syafi‘iyy*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath. m.s. 106.

³⁹ Al-Qawasimiyy, Akram Yusuf ‘Umar. 2003. *Al-Madkhal Ila Mazhab al-Imam al-Syafi‘iyy*. Jordan: Dar al-Nafa’is. m.s. 65.

⁴⁰ Al-Diqr, ‘Abd al-Ghaniyy. 1996. *Al-Imam al-Syafi‘iyy Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Damsiq: Dar al-Qalam. m.s. 91.

⁴¹ *Op.cit*

⁴² Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-‘Aqa’id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabiyy. m.s. 413.

⁴³ *Ibid.*

Imam Muhammad bin al-Hasan al-Sayyabiyy terhadap ilmunya maka Khalifah al-Rasyid melepaskan dan menyerahkan al-Imam al-Syafie kepada al-Imam Muhammad bin al-Hasan al-Sayyabiyy sementara siasatan lanjut dijalankan.⁴⁴

Ketika di Baghdad, al-Imam al-Syafie telah mendampingi al-Imam Muhammad bin al-Hasan al-Sayyabiyy menerusi karya penulisannya. Beliau telah menggunakan sumber kewangan yang ada dengan membeli kitab-kitab karangannya serta mengikuti pengajian yang dikendalikan olehnya. Di samping itu, beliau turut mengambil ilmu dari beberapa orang tokoh ulama yang terkenal di Baghdad yang antaranya termasuk Waqi' bin al-Jarrah. Beliau turut melibatkan diri dalam perdebatan ilmiah bersama-sama para penuntut ilmu dalam aliran mazhab Hanafi. Malah, al-Imam al-Syafie pernah berdebat dengan al-Imam Muhammad bin al-Hasan al-Sayyabiyy dalam beberapa masalah fiqh namun dengan suasana penuh ilmiah serta harmoni.⁴⁵

Selepas beberapa tahun di Baghdad sehingga kematian al-Imam Muhammad bin al-Hasan al-Sayyabiyy, al-Imam al-Syafie telah kembali ke Mekah dan mengendalikan halaqah ilmu di Masjidil Haram. Halaqah beliau sentiasa dikunjungi serta mendapat sambutan yang cukup menggalakkan. Malah, al-Imam Ahmad bin Hanbal turut menyertai halaqah al-Imam al-Syafie ketika beliau datang ke Mekah untuk menunaikan haji.⁴⁶ Pada ketika ini, al-Imam al-Syafie telah mempunyai kewibawaan dalam mengenalpasti bukan sahaja hukum-hukum yang berkaitan dengan perkara *furu'iyyah* malah mampu menguasai kaedah usul serta metodologi istinbat hukum. Natijahnya, beliau berkeupayaan dalam menghasilkan satu aliran fiqh baru dengan gabungan antara aliran fiqh Ahli Madinah dengan fiqh Ahli Iraq.⁴⁷

Al-Imam al-Syafie meneruskan hasratnya ke Baghdad untuk menyebarkan ilmu beserta teori-teori hukum yang telah disusun olehnya. Beliau memulakan halaqahnya di Masjid al-Jami' al-Gharbiyy sehingga digambarkan halaqah ilmu yang lain menjadi berkurangan kerana para penuntut ilmu lebih cenderung mengikuti pengajian ilmu yang disampaikan oleh al-Imam al-Syafie. Di Iraq, al-Imam al-Syafie telah menghasilkan beberapa karya yang mengumpulkan pandangan-pandangan serta teori-teorinya dalam bidang hukum seperti *al-Hujjah* dan *al-Risalah*.⁴⁸ Manakala anak-anak murid beliau yang bertanggungjawab menyebarkan pandangannya seperti:⁴⁹

1. Al-Imam Ahmad bin Hanbal

⁴⁴ Ibrahim, Bakr Muhammad. 2007. *Al-Imam al-Syafi'iyy Hayatuhu Wa Fiqhuhu*. Kaherah: Markaz al-Rayah. m.s. 104.

⁴⁵ 'Abd al-Salam, Ahmad Nahrawiyy. 1988. *Al-Imam al-Syafi'iyy Fi Mazhabihu al-Qadim Wa al-Jadid*. Kaherah: Maktabah al-Syabab. m.s. 66. Lihat Al-Raziyy, 'Abd al-Rahman bin Abi Hatim. 2003. *Adab al-Syafie wa Manaqibuhu*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. m.s. 123.

⁴⁶ Al-Diqqr, 'Abd al-Ghaniyy. 1996. *Al-Imam al-Syafi'iyy Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Damsyiq: Dar al-Qalam. m.s. 113.

⁴⁷ _____ . 2015. *Al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Arba'ah*. Kuweit: Idarah al-Ifta'. m.s. 125. Lihat Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 416.

⁴⁸ _____ . 2015. *Al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Arba'ah*. Kuweit: Idarah al-Ifta'. m.s. 125.

⁴⁹ Al-Diqqr, 'Abd al-Ghaniyy. 1996. *Al-Imam al-Syafi'iyy Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Damsyiq: Dar al-Qalam. m.s. 142 – 145.

2. Al-Imam al-Jalil Ibrahim bin Khalid bin Abi al-Yaman (Abu Thawr)
3. Al-Hasan bin Muhammad bin al-Sabah al-Baghdadiyy (Al-Imam Abu 'Aliyy al-Za'faraniyy)
4. Al-Husayn bin 'Aliyy bin Yazid (Abu 'Aliyy al-Karabisiyy)

Setelah itu, al-Imam al-Syafie pulang ke Mekah untuk beberapa ketika dan kemudiannya pergi semula ke Baghdad. Namun selepas beberapa bulan di Baghdad, beliau pulang semula ke Mekah setelah beliau mendapat terdapat perubahan yang berlaku di Baghdad pada ketika itu. Perubahan yang dimaksudkan ialah perubahan dasar politik setelah al-Khalifah Makmun mengambil alih tumpuk pemerintahan kerajaan Bani 'Abbasiyyah. Al-Khalifah Makmun mengiktiraf aliran pemikiran Muktazilah yang nyata bertentangan dengan aliran pemikiran Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Ramai di kalangan ulama yang dipaksa untuk menerima aliran ini termasuklah al-Imam Ahmad bin Hanbal.⁵⁰

Dalam pada itu, suasana di Mesir juga turut menggalakkan kegiatan ilmu kerana masyarakat di sana masing-masing berpegang dengan dua pandangan imam yang terkemuka iaitu al-Imam Abu Hanifah dan al-Imam Malik. Malah, anak-anak murid bagi kedua-dua imam berkenaan masih menyebarkan ilmu mereka di sana. Maka, al-Imam al-Syafie melihat terdapat ruang bagi dirinya untuk mengharmonikan dua pandangan tersebut.⁵¹

Di Mesir, beliau telah mengendalikan halaqahnya di Masjid Jami' 'Amru bin al-'As di Fistat. Halaqah beliau sentiasa dikunjungi oleh para penuntut ilmu yang tertarik akan kefasihannya dalam berbahasa Arab serta kepetahannya dalam menyampaikan hujah serta dalil-dalil yang dikemukakan. Oleh kerana itu, ramai di kalangan pengikut aliran al-Imam Abu Hanifah dan al-Imam Malik yang cenderung mengambil pandangannya.⁵² Pandangan beliau ini kemudiannya dihimpunkan oleh salah seorang anak muridnya iaitu al-Rabi' bin Sulayman al-Maradiyy lalu dibukukan dan dikenali sebagai *al-Umm*. Selain itu, terdapat juga karya-karya lain yang dihasilkan olehnya menerusi pelbagai bidang seperti *Ikhtilaf al-Hadith*, *Sifah al-Amr wa al-Nahy*, *Ibthal al-Istihsan*, *al-Radd 'ala Muhammad bin al-Hasan*, *Ikhtilaf Malik wa al-Syafi'iyy*, *Siyar al-Awza'iyy*, *Fadha'il al-Quraysy*, *al-Sabaq wa al-Ramy*, *Jima' al-'Ilm*, *Kitab al-Qiyas* dan *al-Risalah*.⁵³

⁵⁰ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 418.

⁵¹ 'Abd al-Salam, Ahmad Nahrawiyy. 1988. *Al-Imam al-Syafi'iyy Fi Mazhabihu al-Qadim Wa al-Jadid*. Kaherah: Maktabah al-Syabab. m.s. 80.

⁵² *Ibid.* m.s. 81.

⁵³ Al-Diqqr, 'Abd al-Ghaniyy. 1996. *Al-Imam al-Syafi'iyy Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Damsyiq: Dar al-Qalam. m.s. 314. Lihat Al-Qattan, Manna'. 1996. *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiyyah al-Tasyri' wa al-Fiqh*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif. m.s. 370.

Di antara anak-anak murid al-Imam al-Syafie di Mesir yang menyebarluaskan pandangannya ialah:⁵⁴

1. Yusuf bin bin Yahya Abu Ya'qub al-Buwaytiyy
2. Isma'il bin Yahya bin Isma'il Abu Ibrahim al-Muzuniyy
3. Al-Rabi' bin Sulayman bin 'Abdul Jabbar al-Muradiyy

Al-Imam al-Syafie meninggal dunia pada malam Jumaat dalam bulan Rejab pada tahun 204 Hijrah ketika berusia 54 tahun. Ia berpunca dari penyakit buasir yang dihidapinya sejak sekian lama dan jenazahnya dikebumikan di Perkuburan Bani Zahrah, Mesir.⁵⁵ Secara umumnya, mazhab Syafie mengandungi dua sisi pandangan yang dikenali sebagai *al-Qawl al-Qadim* yang merupakan pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh al-Imam al-Syafie semasa berada di Baghdad dan *al-Qawl al-Jadid* ketika di Mesir. Mazhab Syafie telah mendapat tempat di kebanyakan negara seperti di Mesir, sebahagian dari wilayah Iraq hingga wilayah Khurasan, Syria, Iran (sebelum mazhab Syiah), Palestin, wilayah 'Adn dan Hadhra Maut di Yaman dan di Asia Tenggara (Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapura, Filipina, selatan Thailand dan Kemboja).⁵⁶

2.4 Al-Imam Ahmad bin Hanbal

Beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal bin Asad al-Saybaniyy al-Marwaziyy al-Baghda디yy. Dilahirkan di kota Baghdad, Iraq dalam bulan Rabi'ul Awwal pada tahun 164 Hijrah. Ibunya yang bernama Safiyah merupakan dari keluarga Bani 'Amir yang juga salah satu jalur dari Kabilah Bani Syayban. Manakala, keturunan di sebelah bapa al-Imam Ahmad bertemu nasab dengan keturunan Nabi Muhammad SAW menerusi moyang Baginda yang bernama Nizar bin Ma'ad bin 'Adnan'.⁵⁷

Bapa al-Imam Ahmad meninggal dunia semasa beliau berusia tiga tahun dan dibesarkan oleh ibunya dengan dibantu oleh bapa saudara sebelah bapanya.⁵⁸ Al-Imam Ahmad telah mempelajari dan menghafaz al-Quran sejak kecil. Selain itu, beliau turut mempelajari bahasa Arab, hadis, *athar* sahabat, sirah Nabi, para sahabat dan tabi'in.⁵⁹

⁵⁴ Al-Qawasimiyy, Akram Yusuf 'Umar. 2003. *Al-Madkhāl lla Mazhab al-Imam al-Syafi'iyy*. Jordan: Dar al-Nafa'is. m.s. 106 – 113.

⁵⁵ Al-Diqr, 'Abd al-Ghaniyy. 1996. *Al-Imam al-Syafi'iyy Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Damsyiq: Dar al-Qalam. m.s. 180.

⁵⁶ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 450. Lihat Al-Asyqar, 'Umar Sulayman. 1998. *Al-Madkhāl lla Dirasah al-Madaris wa al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar al-Nafa'is. m.s. 141.

⁵⁷ . 2015. *Al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-'Arba'ah*. Kuweit: Idarah al-Ifta'. m.s. 163.

⁵⁸ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 452. Lihat Abdul Majid, Mahmood Zuhdi. 2017. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. m.s. 178.

⁵⁹ *Ibid.*

Ketika berusia 15 tahun, beliau mempelajari hadis menerusi gurunya iaitu Husyaym bin Basyir. Diriwayatkan bahawa beliau telah mencatat sebanyak 1000 hadis di bawah tajuk *Kitab al-Hajj*. Selain itu, beliau turut mempelajari ilmu tafsir, kehakiman dan lain-lain ilmu yang berkaitan.⁶⁰

Setelah itu, beliau turut mempelajari hadis daripada al-Qadhi Abu Yusuf yang merupakan seorang Qadhi terkemuka di Baghdad pada ketika itu. Pengajaran yang disampaikan oleh al-Qadhi Abu Yusuf meliputi hadis dan fiqh. Namun, al-Imam Ahmad cenderung terhadap ilmu hadis dan meriwayatkannya menerusi catatan beliau.⁶¹ Walau bagaimanapun, beliau tidak mensia-siakan ilmu fiqh yang telah dipelajarinya termasuklah teori-teori istinbat hukum yang diperkenalkan oleh gurunya. Beliau juga turut mempelajari dan meriwayatkan hadis daripada tokoh-tokoh yang lain seperti 'Abdul Rahman bin Mahdiyy, Abu Bakr bin 'Ayyasy, Waki' bin al-Jarrah, al-Imam al-Syafie dan ramai lagi di sekitar Baghdad.⁶²

Seterusnya, al-Imam Ahmad meneruskan pengembaraannya menuntut ilmu ke serata tempat seperti Basrah, Kufah, Hijaz, Yaman, Syam dan al-Jazirah. Terdapat tempat-tempat tertentu yang dikunjungi oleh beliau lebih dari sekali seperti di Basrah dan Mekah.⁶³ Diriwayatkan bahawa jumlah guru yang telah dikunjungi olehnya seramai 414 orang.⁶⁴ Beliau tidak hanya memberi tumpuan terhadap bidang hadis dan 'Ulum al-Hadith semata-mata, malah turut mengambil ilmu dari pelbagai bidang seperti fiqh serta fatwa Sahabat dan Tabi'in.⁶⁵

Semua himpunan hadis yang dikumpul oleh al-Imam Ahmad dicatat dan dinamakan olehnya sebagai *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal* yang mengandungi lebih dari 40000 buah hadis.⁶⁶ Di samping itu, beliau turut menghasilkan beberapa karya yang lain seperti *Fadha'il al-Sahabah*, *al-'Ilal wa Ma'rifah al-Rijal*, *al-Asamiyy wa al-Kuna*, *al-Zuhd*, *al-Radd 'ala al-Zanadiqah wa al-Jahmiyyah*, *al-Nasikh wa al-Mansukh*, *al-Muqaddam wa al-Mu'akhhar fi al-Qur'an*, *al-Manasik*, *al-Tarikh*, *al-Tafsir*, *al-Asyribah* dan *al-Masa'il*.⁶⁷ Beliau mula membuka halaqah pengajiannya setelah berusia 40 tahun dan di antara anak-anak murid yang meriwayatkan pandangannya dalam hukum seperti:⁶⁸

⁶⁰ Al-Qattan, Manna'. 1996. *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiyy al-Tasyri' wa al-Fiqh*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif. m.s. 380.

⁶¹ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 453.

⁶² _____ . 2015. *Al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Arba'ah*. Kuweit: Idarah al-Ifta'. m.s. 165.

⁶³ *Op.cit.* m.s. 454.

⁶⁴ *Op.cit.* m.s. 166.

⁶⁵ Al-Mallah, Husin Muhammad. 2001. *Al-Fatwa Nasy'atuha Wa Tatawwuruha – Usuluha Wa Tatbiqatuha*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah. m.s. 187.

⁶⁶ Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. m.s. 162.

⁶⁷ _____ . 2015. *Al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Arba'ah*. Kuweit: Idarah al-Ifta'. m.s. 172. Lihat Jum'ah, 'Aliyy. 2012. *Al-Madkhil Ila Dirasah al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam. m.s. 247.

⁶⁸ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 500. Lihat Jum'ah, 'Aliyy. 2012. *Al-*

1. Soleh bin Ahmad bin Muhammad bin Hanbal
2. 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Hanbal
3. Ahmad bin Muhammad bin Hani' al-Athram al-Baghdadiyy
4. Ahmad bin Muhammad bin al-Hajjaj al-Mirwadhiyy
5. 'Abdul Malik bin 'Abdul Hamid bin Mahran al-Maymuniyy
6. Harb bin Ismail al-Karmaniyy
7. Ibrahim bin Ishaq al-Harbiyy

Al-Imam Ahmad juga turut terkesan dengan fitnah yang disebarluaskan oleh pihak pemerintah pada masa itu. Sebagai contoh, al-Khalifah Ma'mun telah mengarahkan Gabenor Bagdad iaitu Ishaq bin Ibrahim untuk mengajak para ulama yang terdiri dari pakar hadis dan ahli fiqh untuk bersetuju menerima doktrin dari golongan Muktazilah yang menyatakan bahawa al-Quran adalah makhluk. Mereka turut diancam dengan hukuman yang berat jika enggan menerimanya. Perkara ini turut diketahui oleh al-Imam Ahmad dan beliau tetap dengan pendiriannya untuk tidak bersetuju menerima doktrin berkenaan.⁶⁹ Bahkan beliau menegaskan bahawa al-Quran itu adalah *Kalamullah* dan bukannya makhluk.

Natijahnya, sebahagian di kalangan ulama terpaksa bersetuju kerana bimbang akan ancaman yang akan dikenakan oleh pihak pemerintah. Manakala sebahagiannya pula yang tidak bersetuju telah dikenakan hukuman yang berat termasuklah al-Imam Ahmad. Beliau telah dipenjarakan selama 28 bulan dan disebat dengan cambuk sehingga pengsan. Setelah itu, beliau dibebaskan dan meneruskan kelas pengajiannya seperti biasa dengan para penuntut ilmu. Walau bagaimanapun, hal yang sama turut berlaku apabila al-Khalifah al-Wathiq memerintah lalu meminta al-Imam Ahmad menerima doktrin Muktazilah. Namun, dengan ketegasannya maka al-Imam Ahmad dipenjarakan selama lima tahun tanpa dikenakan seksaan. Hal ini dibimbangi sekiranya terdapat segelintir pihak yang akan bertindak sekiranya al-Imam Ahmad diseksa.

Setelah kematian al-Khalifah al-Wathiq, maka tampuk pemerintahan telah diambil alih oleh al-Khalifah al-Mutawakkil yang kemudiannya membebaskan al-Imam Ahmad. Baginda amat memuliakan al-Imam Ahmad dan sering memanggilnya untuk bermesyuarat dengan Baginda apabila terdapat sesuatu urusan yang penting.⁷⁰ Baginda juga turut mengurniakan kepada al-Imam Ahmad sejumlah harta yang banyak. Namun, semua itu tidak sedikit pun menarik perhatian beliau yang terkenal dengan sifat qana'ah, zuhud dan bertaqwah. Malah, harta itu kemudiannya diagihkan pula kepada golongan fakir dan yang memerlukannya.⁷¹

Madkhali Dirasah al-Mazahib al-Fiqhiyyah. Kaherah: Dar al-Salam. m.s. 247. Lihat Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. m.s. 162.

⁶⁹ Al-Qattan, Manna'. 1996. *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiyy al-Tasyri' wa al-Fiqh*. Riyadh: Maktabah al-Ma'rif. m.s. 383.

⁷⁰ Jum'ah, 'Aliyy. 2012. *Al-Madkhali Dirasah al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam. m.s. 246.

⁷¹ *Op.cit.*

Al-Imam Ahmad meninggal dunia dalam bulan Rabi'ulawwal pada tahun 241 Hijrah ketika berusia 77 tahun. Jenazah beliau dikebumikan di Baghdad.⁷² Mazhab Hanbali mula berkembang di luar Iraq selepas kurun keempat dan antara tempat-tempat yang menerima aliran mazhab ini seperti di Nablus, Palestin serta kawasan-kawasan di sekitarnya. Mazhab ini turut berkembang di Najd, Oman.⁷³ Manakala di Arab Saudi, ia menjadi mazhab rasmi apabila keluarga Saud menerajui pemerintahan di negara tersebut.⁷⁴

Rujukan

1. _____ . 2015. *Ajaran Sesat Merungkai Kekusutan & Kecelaruan*. Selangor: Majlis Agama Islam Selangor.
2. _____ . 2015. *Al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Arba'ah*. Kuweit: Idarah al-Ifta'.
3. 'Abd al-Salam, Ahmad Nahrawiyy. 1988. *Al-Imam al-Syafi'iyy Fi Mazhabihu al-Qadim Wa al-Jadid*. Kaherah: Maktabah al-Syabab.
4. Abdul Majid, Mahmood Zuhdi. 2017. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
5. Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Abu Hanifah Hayatuhu wa 'Asruhu – Ara'uhu wa Fiqhuhu*. T.t.: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
6. Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Muhadharat fi Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. t.t.: Matba'ah al-Madaniyy.
7. Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
8. Ahmad, Mohd Saleh. 1999. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
9. Al-Asyqar, 'Umar Sulayman. 1982. *Tarikh al-Fiqh al-Islamiyy*. Kuwait: Maktabah al-Falah.
10. Al-Asyqar, 'Umar Sulayman. 1998. *Al-Madkhil Ila Dirasah al-Madaris wa al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar al-Nafa'is.

⁷² _____ . 2015. *Al-Mazahib al-Fiqhiyyah al-Arba'ah*. Kuweit: Idarah al-Ifta'. m.s. 174.

⁷³ Al-Asyqar, 'Umar Sulayman. 1998. *Al-Madkhil Ila Dirasah al-Madaris wa al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar al-Nafa'is. m.s. 168 – 169.

⁷⁴ Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy. m.s. 504.

11. Al-Bayhaqiy, Ahmad bin Hussayn. t.t. *Manaqib al-Syafi'iyy*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
12. Al-Diqr, 'Abd al-Ghaniyy. 1996. *Al-Imam al-Syafi'iyy Faqih al-Sunnah al-Akbar*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
13. Al-Ghamiriyy, Nasir bin Muhammad. 2018. *Al-Madkhal Li Dirasah al-Fiqh al-Islamiyy*. Makkah al-Mukarramah: Dar Tayyibah al-Khadhra'.
14. Al-Khin, Mustafa Sa'id. 1984. *Dirasah Tarikhyyah li al-Fiqh wa Usuluhu wa al-Ittijahat Al-Latiyy Zaharat Fihima*. Syria: al-Syurkah al-Muttaqidah li al-Tawzi'.
15. Al-Mallah, Husin Muhammad. 2001. *Al-Fatwa Nasy'atuha Wa Tatawwuruha – Usuluha Wa Tatbiqatuha*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
16. Al-Qattan, Manna'. 1996. *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiyy al-Tasyri' wa al-Fiqh*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
17. Al-Qawasimiyy, Akram Yusuf 'Umar. 2003. *Al-Madkhal Ila Mazhab al-Imam al-Syafi'iyy*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
18. Al-Raziyy, 'Abdul Rahman bin Abi Hatim. 2003. *Adab al-Syafie wa Manaqibuhu*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
19. Ghawjiyy, Wahbiyy Sulayman. 1993. *Abu Hanifah al-Nu'man Imam al-A'imma al-Fuqaha'*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
20. Haji Mansur, Muhsin. 1968. *Ikhtisar Sejarah Perundangan Islam*. Pulau Pinang: Pustaka Haji Abdullah bin M Noordin Al-Rawi.
21. Hashim, Zamri. 2020. *Aliran Pemikiran Semasa*. t.t.: Jabatan Mufti Negeri Perak.
22. Ibrahim, Bakr Muhammad. 2007. *Al-Imam al-Syafi'iyy Hayatuhu Wa Fiqhuhu*. Kaherah: Markaz al-Rayah.
23. Jum'ah, 'Aliyy. 2004. *Al-Imam al-Syafi'iyy Wa Madrasatuhu al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Risalah.
24. Jum'ah, 'Aliyy. 2012. *Al-Madkhal Ila Dirasah al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
25. Mas'od, Mohd Aizam. 2015. *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

26. Mazkur, Muhammad Salam. 1996. *Al-Madkhal li al-Fiqh al-Islamiyy Tarikhuhu wa Masadiruhu wa Nazriyatuhu al-'Ammah*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Hadith.
27. Zaydan, 'Abd al-Karim. 2001. *Al-Madkhal Li Dirasah al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Iskandariyyah: Dar 'Umar bin al-Khattab.